

## SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 2 TAHUN 1979

Tuan,

### ELAUN RUMAH KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA POLIS PANGKAT RENDAH DAN KONSTABAL SERTA AHLI-AHLI BOMBA DAN PEGAWAI PENJARA TINGKATAN II

Anggota-anggota Pasukan Polis Di Raja yang berpangkat dari Konstabal sehingga Sab-Inspektor, anggota Perkhidmatan Penjara dari Warder sehingga Ketua Besar Warder dan anggota Perkhidmatan Bomba dari pangkat Ahli Bomba, Ahli Bomba Kanan sehingga Pegawai Bomba Tingkatan 1 adalah di antara golongan pegawai awam yang menikmati peruntukan rumah Kerajaan dengan percuma menurut sekim perkhidmatan masing-masing. Keistimewaan tersebut adalah diteruskan di bawah sekim Gaji Bersih Baharu. Dengan dasar Kerajaan tiada bertanggungjawab untuk menyediakan rumah-rumah kediaman sepenuhnya bagi pegawai-pegawai awam, pegawai-pegawai awam yang tersebut yang tidak diuntukkan dengan rumah yang disediakan oleh Kerajaan akan diluluskan bayaran bantuan sewa menurut kadar dan peraturan seperti yang diluluskan dari semasa ke semasa.

2. Kerajaan telah mengulangkaji kadar bayaran bantuan sewa itu dan menetapkan kadar baharu seperti di bawah [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1977](#) (Corrigenda) untuk anggota Pasukan Polis dan [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1977](#) bagi perkhidmatan awam yang dikuatkuasakan mulai daripada 1hb. Julai, 1977. Penentuan Kadar-kadar elaun bantuan sewa yang berasaskan kepada matagaji di dalam tanggagaji bersih baru didapati tidak sesuai sebagaimana keadaannya di bawah [Pekeliling Perkhidmatan Bil 7 Tahun 1970](#). Oleh hal yang demikian itu kelayakan bagi maksud menentukan kadar-kadar elaun bantuan sewa telah digantikan dengan kelayakan pangkat demi kepentingan mencapai penyelerasan dan penyeragaman kenikmatan kemudahan tersebut.
3. Perlaksanaan penyemakan gaji kepada tanggagaji bersih baharu bagi anggota-anggota Pasukan Polis Di Raja yang berpangkat dari Konstabal sehingga Sab-Inspektor telah dikuatkuasakan dengan pelaksanaan Perkhidmatan Pasukan Polis Di Raja Malaysia Yang Disatukan di bawah [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 1976](#) mulai dari 1-1-76. Tatkala penyemakan gaji yang tersebut dilaksanakan, kadar bantuan sewa adalah di bawah perenggan 88 dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1970](#). [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1977](#) tidak terbit sehingga 28hb Disember 1977.
4. Penyemakan gaji ke tanggagaji bersih baru bagi anggota Perkhidmatan Penjara dan anggota Perkhidmatan Bomba tidak dilaksanakan sehingga dikeluarkan [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1977](#) apabila [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1970](#) dibatalkan bersama-sama dengan kadar-kadar bayaran bantuan sewa rumah tersebut dengan tarikh penguatkuasaannya mulai daripada 1 hb. Julai, 1977.
5. Penyemakan gaji ke tanggagaji bersih baharu tidak terlaksana di Negeri Sabah dan Sarawak sehingga 1hb. Julai, 1978 setelah tawaran opsyen dikeluarkan di bawah [Pekeliling Perkhidmatan Bil 1 Tahun 1978](#) dan [Bil. 2 Tahun 1978](#).
6. Untuk mencapai maksud tuan tersebut di dalam perenggan 2 maka dengan ini adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah meluluskan bayaran elaun bantuan sewa menurut kadar yang ditetapkan di dalam perenggan 88 [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1970](#) sepertimana yang telah dinikmati oleh anggota-anggota Pasukan Polis di Raja selepas [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 1976](#) selagi dan selama anggota Polis yang terlibat tidak memperolehi perubahan gaji. Bagi seseorang anggota Polis yang diperintahkan bertukar stesyen bertugas, ia masih layak menerima elaun bantuan sewa khas untuk penyandang mengikut kadar bagi kawasan-kawasan yang terlibat menurut perenggan 88 [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1970](#). Sekiranya seseorang anggota Polis yang berkenaan dinaikkan pangkat, maka ia tidak lagi layak menerima elaun bantuan sewa

khas untuk penyandang itu tetapi adalah layak menerima elaun sewa rumah yang baru mengikut [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1977](#) (Corrigenda).

7. Peraturan bayaran elaun bantuan sewa yang dikhaskan kepada penyandang seperti yang tersebut di atas adalah juga dilanjutkan kepada Anggota Perkhidmatan Penjara dan anggota Perkhidmatan Bomba mengikut pangkat yang ditetapkan di bawah perenggan 88 dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1970](#) dan surat J.P.A Sulit 2670/Bhg.10 2/17 bertarikh 6hb. Oktober, 1972.

8. Kadar bayaran elaun sewa rumah bagi anggota yang baru bagi anggota Pasukan Polis berpangkat rendah sehingga Sab-Inspektor hendaklah tertakluk kepada sebagaimana yang diuntukkan di bawah [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1977](#) (Corrigenda) dan bagi anggota Perkhidmatan Penjara dan anggota Perkhidmatan Bomba dalam taraf yang berkenaan kadarnya adalah dibawah [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 tahun 1977](#).

9. Peraturan di bawah Surat Pekeliling Perkhidmatan ini tidak meliputi anggota perkhidmatan-perkhidmatan yang berkenaan yang tidak memilihterima syarat-syarat tanggagaji bersih baru kecuali apabila dinaikkan pangkatnya.

### **Peruntukan**

10. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini adalah meliputi anggota di dalam ketiga-tiga perkhidmatan yang berkenaan di Negeri Sabah dan Sarawak yang telah memilihterima syarat-syarat penyatuan di dalam Perkhidmatn Persekutuan. Walaubagaimanapun kadar elaun bantuan sewa di kedua-dua negeri itu belum lagi ditetapkan.

11. Ketua-ketua Jabatan hendaklah memastikan bahawa peruntukan dalam Surat Pekeliling ini dipatuhi sepenuhnya.

Saya yang menurut perintah,

**NIK MUSA BIN NIK ABDULLAH**

*Bahagian Gaji,*

*b.p Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia*

*31hb, Januari, 1979.*

KETUA SETIAUSAHA NEGARA,  
JABATAN PERDANA MENTERI,  
JALAN DATO' ONN,  
KUALA LUMPUR.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan.  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

KETUA SETIAUSAHA  
PERBENDAHARAAN MALAYSIA,  
JALAN DUTA,  
KUALA LUMPUR.